

berpisah (di tengah jalan), lampu (yang menyuluh) itu tinggal satu pada setiap orang sehinggalah masing-masing sampai ke rumahnya.”⁷¹⁹

باب الخوخة والممر في المسجد

53- Bab Pintu Kecil Dan Tempat Lalu Di Dalam Masjid.⁷²⁰

⁷¹⁹ Hadits ini diulang sebut oleh Bukhari pada dua tempat lain selain di sini, iaitu: (1) Di bawah باب علامات النبوة في الإسلام. Di bawah bab ini Bukhari meriwayatkannya betul-betul sama dengan sanad dan matan hadits di atas. (2) Di bawah باب متقبلة أسيد بن حضير وعبد بن بشر رضي الله عنهما pula beliau meriwayatkannya daripada 'Ali bin Muslim. Selain Bukhari, hadits ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Nasaa'i, al-Bazzaar, Abu Ya'la dan 'Abd bin Humaid. Pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini antara lainnya ialah: (1) Ia membuktikan adanya keramat (كرامة) pada sahabat-sahabat Nabi s.a.w. (2) Allah memberikan keramat kepada 'Abbaad bin Bisyr dan Usaid bin Hudhair dalam bentuk lampu yang menyuluh jalan mereka pada waktu malam yang gelap gelita ketika pulang dari masjid Rasulullah s.a.w. (3) Keramat yang berlaku pada sahabat dan umat Muhammad yang saleh sebenarnya merupakan sebahagian daripada keberkatan dan mu'jizat Rasulullah s.a.w. yang berterusan selepas kewafatan Baginda. (4) Kelebihan masjid dan sembahyang dengan berjamaah di masjid. (5) Kelebihan sahabat dan kesan bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. (6) Pergi ke masjid untuk bersembahyang 'Isyaa' dan Subuh iaitu dua waktu yang gelap mendatangkan pahala yang lebih dan ganjaran berupa cahaya di akhirat nanti.

⁷²⁰ خوخة dalam bahasa 'Arab mempunyai beberapa erti, iaitu: (1) Lubang angin di dinding rumah. (2) Lubang di dinding rumah untuk mendapat cahaya dari luar. (3) Pintu kecil pada pintu gerbang. (4) Pintu kecil yang memisahkan antara dua buah rumah. Ia merupakan laluan ketika kecemasan. (5) Pintu kecil (yang hanya dapat dilalui dengan membongkok) sebagai tempat lalu ke ruang yang lebih besar seperti masjid dan lain-lain. (6) Dubur. (7) Sejenis kain berwarna hijau. (8) Buah pic. Erti paling sesuai untuk dipakaikan kepada perkataan خوخة atau perkataan باب di dalam hadits di bawah bab ini ialah erti yang kelima atau keempat. Perkataan الممر selepas العطف boleh dipakai sebagai: (1) ظرف مكان (2) مصدر ميمي. Sementara عطف واو العطف yang tersebut sebelum perkataan الممر pula boleh dipakai sebagai: (1) عطف لمطلق الجمع الذي يقتضي المغايرة. Kalau kita mengatakan Imam Bukhari sebenarnya memakai 'athaf di sini sebagai عطف تفسير bererti beliau bermaksud mentafsir dan menentukan satu daripada erti-erti خوخة tadi. Kalau 'athaf di sini tidak dipakai sebagai 'athaf tafsiri, niscaya tidak dapat ditentukan erti خوخة yang banyak itu. Inilah salah satu taujih (saluran untuk memahami pendapat dan idea seseorang) untuk memahami maksud Bukhari mengadakan tajuk bab ini. Tidak kurang juga bilangan 'ulama' yang memakai perkataan الممر sebagai مصدر ميمي dan sebelumnya pula dipakai dengan ma'na asalnya yang menghendaki ma'thuf dan ma'thuf 'alinya adalah dua perkara yang berlainan (يقتضي المغايرة). Pada pandangan sepintas lalu taujih ini tidak lebih baik dari yang sebelumnya. Sebabnya ialah ia akan mengakibatkan pengulangan maksud tajuk. Bukankah Bukhari telah membuat tajuk 40- Bab Lalu Di Dalam Masjid sebelum ini? Di bawah tajuk itu penulis telah pun membincangkan tentang pengulangan maksud tajuk yang tidak akan berlaku di dalam Sahih Bukhari kerana ia merupakan sesuatu yang bercanggah dengan iltizam Bukhari sendiri. Bukankah apabila anda memakai perkataan الممر sebagai مصدر ميمي, bab ini akan menjadi sama dengan bab ke 40 yang lalu? Lantaran taqdirnya ialah: باب الممر في المسجد juga? Akan tetapi kalau diperhatikan dengan teliti dan saksama, taujih kedua ini juga tidak akan mengakibatkan pengulangan maksud tajuk sebenarnya. Ini kerana bab ke 40 yang lalu menceritakan semata-mata lalu di dalam masjid. Bab ini pula menceritakan secara khusus tentang lalu menerusi khaukhah atau pintu kecil untuk pergi ke dalam masjid atau keluar darinya. Keperluan Bukhari menyebutkan lalu menerusi khaukhah atau pintu kecil itu secara berasingan adalah kerana ia merupakan sesuatu yang tersebut di dalam hadits dan sesuatu yang mengandungi nilai sejarah tersendiri. Bagi penulis taujih kedua juga sama-sama menampilkan kebijaksanaan dan kedalaman fiqh Imam Bukhari dalam menanggapi hadits-hadits Nabi s.a.w. Qiblat masjid Nabi s.a.w. di peringkat permulaannya ialah ke arah Baitil Maqdis yang berada di sebelah utara Madinah. Setelah ditukar arah qiblat, qiblat masjid Baginda s.a.w. menghala pula ke arah Ka'bah yang terletak di sebelah selatan Madinah. Ketika itu terdapat beberapa buah rumah sahabat di sebelah timur dan barat masjid. Rumah-rumah mereka itu berkongsi dinding dengan masjid atau berdampingan dengannya. Memang telah pun ada beberapa buah pintu besar atau pintu yang dapat diguna oleh orang

ramai untuk masuk ke dalam masjid. Tetapi sahabat-sahabat yang dinding rumahnya bersambung dengan dinding masjid, membuat pintu kecil yang menghala ke dalam masjid untuk memudahkan mereka masuk ke dalamnya. Setelah sekian lama berada dalam keadaan itu dan tentunya ia dibuat dengan kebenaran Rasulullah s.a.w. sendiri, akhirnya Baginda s.a.w. memerintahkan supaya pintu-pintu yang menghala ke dalam masjid itu ditutup semuanya kecuali pintu rumah Abu Bakar. Soalnya sekarang ialah berapa kalikah Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan supaya pintu-pintu itu ditutup? Inilah sebenarnya yang hendak diperkatakan oleh Bukhari. Menerusi bab ini beliau nampaknya mahu menarik perhatian para pembaca Sahihnya kepada empat persoalan berikut sekurang-kurangnya yang perlu dijawab, iaitu: (1) Apakah hukum membuat pintu (besar atau kecil) dari rumah-rumah di sekeliling masjid sebagai laluan pintas untuk masuk ke dalamnya. (2) Perkataan باب di dalam hadits pertama di bawah bab ini apakah seharusnya dipakai dengan ma'na asalnya atau dengan ma'na khaukhah? (3) Adakah benar rumah Abu Bakar terletak hanya di Sunh? (4) Benarkah pendapat sesetengah pihak yang mengatakan terdapat dua perintah Rasulullah s.a.w. berhubung dengan laluan keluar masuk ke masjid Baginda s.a.w. Pertamanya ialah perintah menutup semua pintu besar atau باب yang menghala ke masjid kecuali pintu atau باب 'Ali. Dan keduanya pula ialah perintah menutup semua pintu besar باب atau pintu kecil خوخة yang menghala ke masjid kecuali باب atau خوخة Abu Bakar. Jika benar, apakah langkah yang diambil oleh para 'ulama' kita dalam menghadapinya? **Jawapan kepada persoalan pertama** ialah Bukhari dan jumhur 'ulama' berpendapat, perintah Rasulullah s.a.w. supaya menutup semua pintu yang menghala ke dalam masjid kecuali pintu Abu Bakar yang tersebut di dalam dua hadits di bawah bab ini hanya khusus dengan masjid Baginda sahaja. Ia tidak melibatkan masjid-masjid lain. Tidak juga ia merupakan perintah untuk sepanjang masa. Perintah itu dibuat Rasulullah s.a.w. hanya untuk menyatakan beberapa maksud berikut: (1) Mengisytarkan kepada keistimewaan Abu Bakar di sisi Beliau s.a.w. (2) Mengisytarkan kepada kedudukan Abu Bakar sebagai khalifah sepeninggalan beliau. (3) Oleh kerana Abu Bakarliah yang akan menjadi pengganti Baginda s.a.w. dalam pentadbiran dan kepimpinan ummah, maka perlu sekali beliau diberikan beberapa kemudahan yang diperolehi Nabi s.a.w. semasa hayatnya. Termasuklah kemudahan keluar masuk ke dalam masjid dari rumah beliau untuk menjadi imam sembahyang lima waktu. (4) Menghapuskan salah faham yang mungkin timbul akibat adanya kekhususan untuk segelintir sahabat keluar masuk ke dalam masjid melalui pintu-pintu seperti itu. (5) Melenyapkan terus spekulasi tentang jawatan khalifah sesudah Nabi s.a.w. Maka apabila ada sebab-sebab yang munasabah, pintu atau khaukhah seperti itu harus (boleh) dibuat di mana-mana masjid di dunia ini. Perintah Rasulullah s.a.w. supaya menutup semua pintu yang menghala ke dalam masjid, tidak difahami Bukhari dan jumhur 'ulama' sebagai naasikh (pemansukh) kepada kebenaran yang telah diberikan sebelumnya. Ini kerana Rasulullah s.a.w. mengecualikan pintu Abu Bakar daripada perintahnya. Andai kata kebenaran sebelumnya termansukh dengan hadits itu, tentulah tidak ada langsung yang dikecualikan, meskipun ada keperluan dan sebab-sebab yang munasabah. **Jawapan kepada persoalan kedua** ialah Bukhari menyebutkan خوخة di dalam tajuk bab di atas sebagai tempat lalu untuk masuk ke dalam masjid dan di bawahnya beliau mengemukakan dua hadits. Satu daripadanya menggunakan perkataan bab dan satu lagi menggunakan perkataan khaukhah. Ia bererti perkataan bab (pintu) yang tersebut di dalam hadits Abu Sa'id itu seharusnya dipakai dengan ma'na khaukhah. Apa lagi jika dilihat kepada riwayat Abu Sa'id yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah باب هجرة النبي صلى الله عليه وسلم وأصحابه إلى المدينة. Di dalam riwayat itu juga tersebut perkataan khaukhah seperti yang tersebut di dalam riwayat Ibnu 'Abbaas. Di dalam tajuk باب قول النبي صلى الله عليه وسلم سنؤا الثواب إلا باب أبي بكر قاله ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم Bukhari menyebutkan perkataan bab. Penggunaan perkataan bab di situ dikaitkan dengan Ibnu 'Abbaas. Padahal di dalam riwayat Ibnu 'Abbaas yang maushul di bawah bab yang sedang kita bincangkan ini tersebut perkataan khaukhah, bukan perkataan bab. Kata Hafiz Ibnu Hajar dalam komentarnya terhadap kata-kata Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan dalam باب قول النبي صلى الله عليه وسلم سنؤا الثواب إلا باب أبي بكر قاله ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم itu: "Ibnu 'Abbaas semacam meriwayatkan (sabda Nabi s.a.w. ini) bil ma'na (di sini)." Penggunaan perkataan bab di dalam riwayat Abu Sa'id sama ada merupakan riwayat bil ma'na atau ia digunakan secara musaamahah dengan mengambil kira khaukhah juga termasuk di bawah jenis bab. Kesimpulannya ialah Bukhari mentarjihkan penggunaan perkataan khaukhah daripada perkataan bab di dalam hadits-hadits yang berkaitan dengan perintah Nabi s.a.w. supaya ditutup semua pintu kecuali pintu Abu Bakar. **Jawapan kepada persoalan ketiga** ialah selain mempunyai rumah di Sunh, sebuah kawasan pinggir Madinah, Abu Bakar juga mempunyai rumah yang berkongsi dinding dengan masjid Nabi s.a.w. Di rumah beliau ini ada khaukhah yang menghala ke dalam masjid seperti rumah orang-orang lain yang juga tinggal bersebelahan dengan masjid Nabi s.a.w. Dengan itu tertolaklah pendapat orang-orang yang mengatakan, bagaimana Rasulullah s.a.w. akan membiarkan pintu rumah Abu Bakar sahaja tidak ditutup kalau rumah Abu Bakar tidak ada pun di situ? Alasan mereka ialah ketika Rasulullah s.a.w. wafat, Abu Bakar tidak ada di samping Baginda. Beliau dipanggil orang dari

Sunh di rumah isterinya yang bernama Habibah binti Khaarijah r.a. Tidak terfikir oleh mereka agaknya bahawa Abu Bakar mempunyai dua orang lagi isteri. Seorang bernama Ummu Ruman iaitu ibu kepada 'Aaisyah isteri Rasulullah s.a.w. dan seorang lagi ialah Asmaa' binti 'Umais. Di mana pula rumah mereka berdua? Mestikah semua rumah isteri-isteri Abu Bakar itu terletak di Sunh?? **Dan jawapan kepada persoalan keempat pula** ialah memang benar terdapat satu lagi hadits yang memerintahkan semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali. Kerananya sesetengah 'ulama' seperti at-Thahaawi, Ibnu Hibbaan, al-Bazzaar, Ibnu Katsir, Hafiz Ibnu Hajar, as-Suyuthi dan lain-lain memilih jalan jama'. Bagi mereka walaupun hadits yang memerintahkan semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali itu tidak setinggi dan sesahih hadits yang memerintahkan semua pintu ditutup kecuali pintu Abu Bakar, namun ia juga sahih atau hasan berdasarkan sesetengah saluran riwayatnya. Hafiz Ibnu Hajar bahkan mengatakan, setiap saluran riwayatnya boleh dijadikan hujah. Apa lagi jika diambil kira hadits-hadits itu secara keseluruhannya. Jalan jama' juga bagi mereka masih terbuka. Maka seeloknya tidak diketepikan langsung mana-mana satu daripadanya. Malah kedua-duanya harus dipakai. Segolongan 'ulama' yang lain seperti Ibnu al-Jauzi, al-'Iraaqi, Ibnu 'Asaakir, Hafiz al-'Aini, Ibnu Taimiyyah dan lain-lain pula memilih jalan tarjih atau menolak terus hadits-hadits seperti itu. Bagi mereka hadits-hadits yang memerintahkan semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali itu sebenarnya tidak sahih bahkan ia adalah maudhu'. Orang-orang yang menggunakan qaedah jama' dalam menghadapi dua hadits yang kelihatan bertentangan itu mengatakan, pada mulanya Rasulullah s.a.w. memerintahkan semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali. Perintah ini dikeluarkan oleh Baginda s.a.w. pada tahun ketiga selepas 'Ali berkahwin dengan Faathimah dan mereka tinggal di rumah sendiri. Pada ketika sakit di akhir hayat Rasulullah s.a.w. pula, Baginda s.a.w. memerintahkan supaya semua pintu ditutup kecuali pintu Abu Bakar. Golongan ini cuma berbeza pendapat tentang sebab kenapa pintu rumah 'Ali dikecualikan daripada perintah Rasulullah s.a.w. itu. Ibnu Katsir berpendapat supaya mudah Fathimah bertandang ke rumah ayahandanya. Ada yang berpendapat untuk menyatakan keistimewaan 'Ali. Ada pula yang berpendapat kerana 'Ali tidak seperti orang-orang lain, dia dibenarkan lalu dan duduk di dalam masjid walaupun dalam keadaan berjunub. Keadaannya seperti Rasulullah s.a.w. dalam hal ini. Seolah-olahnya perintah menutup semua pintu itu berlaku apabila diharamkan orang-orang yang berjunub berada di dalam masjid atau lalu di dalamnya! Sementara Hafiz Ibnu Hajar dan kebanyakan 'ulama' yang menerima hadits itu berpendapat, kerana rumah 'Ali mempunyai hanya satu pintu sahaja iaitu pintu yang menghala ke dalam masjid. Jika pintunya tidak dikecualikan daripada ditutup, tentulah akan menyusahkannya dan anak isterinya. Di sini timbul satu persoalan. Apa ertinya Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya semua pintu ditutup kecuali pintu Abu Bakar setelah sebelum itu Baginda memerintahkan supaya semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali? Adakah setelah beberapa ketika, para sahabat berkenaan melanggar perintah Nabi s.a.w.? Adakah mereka membuka semula pintu yang diperintahkan supaya ditutup itu? Jawab golongan ini, memang mereka membuka semula tetapi bukan pintu besar seperti sebelumnya. Mereka hanya membuat khaukhah (pintu kecil) sahaja sebagai laluan untuk masuk ke dalam masjid dan keluar darinya ke rumah mereka. Di akhir hayat Rasulullah s.a.w. khaukhah itu juga diperintah oleh Baginda s.a.w. supaya ditutup kecuali khaukhah Abu Bakar. Golongan 'ulama' yang memilih jalan tarjih atau menolak terus hadits-hadits itu pula berpendapat, hadits-hadits yang menyatakan perintah Rasulullah s.a.w. supaya ditutup semua pintu ke masjid kecuali pintu rumah 'Ali tidak ada satu pun yang sahih. Ia sebenarnya hasil rekaan golongan Syi'ah untuk melawan hadits sahih yang memerintahkan semua pintu ke masjid ditutup kecuali pintu Abu Bakar. Demikianlah tegas Ibnu al-Jauzi dan Ibnu Taimiyyah r.a. Penulis berpendapat, golongan 'ulama' yang memilih jalan tarjih atau menolak terus hadits-hadits itu, merekalah yang betul dan selamat in syaa' Allah. Imam Bukhari nampaknya memilih jalan ini apabila beliau hanya mengemukakan hadits-hadits yang memerintahkan semua pintu ke masjid ditutup kecuali pintu Abu Bakar. Beliau langsung tidak mengemukakan apa yang dikatakan hadits Rasulullah s.a.w. yang mengandungi perintah Baginda supaya ditutup semua pintu ke masjid kecuali pintu rumah 'Ali. Sama ada secara musnad di bawah bab ini, atau secara ta'liq sahaja di dalam tarjamatul bab yang dibuatnya. Kata al-'Aini: "Kalau kamu musykil, bagaimana dengan hadits daripada Ibnu 'Abbaas yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tutup semua pintu kecuali pintu 'Ali?" Maka saya akan menjawab (kemusykilanmu itu) dengan mengemukakan kata-kata Imam at-Tirmizi, bahawa hadits itu gharib (dha'if). Imam Bukhari pula berkata: "Hadits 'kecuali pintu Abu Bakar' lebih sahih." Secara ringkas dapat disimpulkan hujah dan alasan golongan ini dalam beberapa poin seperti berikut: (1) Sanad hadits-hadits yang memuatkan perintah Rasulullah s.a.w. supaya semua pintu ke masjid ditutup kecuali pintu 'Ali, semuanya bermasalah. Perawi-perawinya berkisar sekitar dha'if, majhul atau pendusta. (2) Ia bercanggah dengan hadits-hadits sahih yang sangat tinggi pula taraf kesahihannya seperti yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. (3) Terdapat banyak sekali manaakir (perkara-perkara yang bercanggah dengan hadits sahih dan kenyataan sebenarnya) di dalam hadits-hadits itu. (4) Di dalam sanad hadits-hadits itu

boleh dikatakan pasti ada perawi-perawi Syi'ah. Mengikut qaedah 'ulama' hadits Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah, hadits yang menyokong mana-mana fahaman ahli bid'ah tidak boleh diterima jika ia diriwayatkan oleh ahli bid'ah itu sendiri. Untuk lebih jelas kepada semua pihak, penulis berasa perlu dikemukakan hadits-hadits berkenaan lengkap dengan terjemahan dan sanad-sanadnya di samping komentar ringkas para 'ulama' terhadapnya. Hadits-hadits yang memuatkan perintah Rasulullah s.a.w. supaya semua pintu ke masjid ditutup kecuali pintu 'Ali itu dikatakan telah diriwayatkan oleh sahabat-sahabat besar Rasulullah s.a.w. seperti Sa'ad bin Abi Waqqaash, Ibnu 'Abbaas, Zaid bin Arqam, Ibnu 'Umar dan Jaabir. Berikut ialah hadits-haditsnya:

(١) حَدَّثَنَا حَجَّاجٌ حَدَّثَنَا فِطْرٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَرِيكٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الرَّقَيْمِ الْكِنَانِيِّ قَالَ خَرَجْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ زَمَنَ الْجَمَلِ فَلَقِينَا سَعْدَ بْنَ مَالِكٍ بِهَا فَقَالَ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسَدِّ الْأَبْوَابِ الشَّارِعَةِ فِي الْمَسْجِدِ وَتَرْكِ بَابِ عَلِيٍّ

Bermaksud: Kata 'Abdullah bin ar-Ruqaim al-Kinaani: "Kami keluar (pergi) ke Madinah semasa (berlaku) peperangan Jamal. Di sana Sa'ad bin Malik (Sa'ad bin Abi Waqqaash) bertemu dengan kami. Kata beliau: "Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya pintu-pintu yang menghala ke masjid ditutup. Tetapi Baginda s.a.w. membiarkan pintu 'Ali (Baginda s.a.w. tidak memerintahkan supaya pintu rumahnya juga ditutup). (Hadits riwayat Ahmad). Hadits ini tidak sahih. Ia bahkan maudhu'. Fithr bin Khalifah walaupun dianggap oleh sesetengah tokoh Rijal sebagai perawi tsiqah, tetapi ramai tokoh yang menganggapnya seorang perawi yang tidak tsiqah dan lemah. Selain itu tokoh-tokoh Rijal juga mengatakan dia seorang Syi'ah pelampau, Syi'ah Khasyabiyyah. Al-Jauzajaani berkata: "Dia perawi sesat dan tidak tsiqah." Ahmad bin Yunus pula berkata: "Saya selalu lalu di hadapannya tanpa langsung mempedulkannya, seperti seseorang tidak mempedulikan anjing." Kata Abu Bakar bin 'Ayyaasy: "Saya tidak mahu meriwayatkan (hadits) daripadanya tidak kerana lain melainkan kerana fahamannya yang rosak." 'Abdullah bin Syarik yang terdapat di dalam isnad ini menurut as-Sa'di dan al-Jauzajaani adalah seorang pendusta besar. Ibnu Hibbaan pula berkata dia seorang yang melampau dalam fahaman Syi'ahnya. Dia meriwayatkan daripada tokoh-tokoh yang kukuh tidak seperti yang diriwayatkan oleh orang-orang yang tsiqaat (dipercayai periwayatannya). 'Abdullah bin Syarik meriwayatkan hadits ini daripada 'Abdullah bin ar-Ruqaim al-Kinaani seorang perawi yang majhul. Hafiz Ibnu Hajar dan al-Khazraji juga mengatakan dia perawi yang majhul. Setelah menghukum 'Abdullah bin ar-Ruqaim sebagai perawi yang majhul di dalam Taqib at-Tahzib, entah bagaimana Hafiz Ibnu Hajar boleh mengatakan hadits ini isnadnya kuat di dalam Fathul Barinya! Itu belum lagi diambil kira perawi-perawi lain di dalam isnad ini!! Sesungguhnya pertentangan keputusan Hafiz Ibnu Hajar yang seperti inilah yang dikatakan oleh para 'ulama' hadits sebagai tanaqudhaat Hafiz Ibnu Hajar di dalam kitab-kitabnya sendiri. Amat menghairankan juga apabila al-Haitsami mengatakan hadits ini hasan. Bagi penulis, tindakan Ibnu al-Jauzi memasukkan hadits ini di dalam al-Maudhu'atnya amat tepat. Keputusan Ibnu al-Jauzi itu benar-benar berlandaskan qaedah Ilmu Rijal yang diterima pakai oleh semua tokoh-tokoh hadits.

(٢) أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ أَحْمَدَ قَالَ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ قَادِمٍ قَالَ أَخْبَرَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَرِيكٍ عَنْ الْحَارِثِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ أَتَيْتُ مَكَةَ فَلَقَيْتُ سَعْدَ بْنَ أَبِي وَقَّاصٍ فَقُلْتُ هَلْ سَمِعْتَ لِعَلِيٍّ مَنَقِيَّةً قَالَ : كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ فَنُودِيَ فِينَا لَيْلًا لِيُخْرَجَ مِنَ الْمَسْجِدِ إِلَّا آلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَلَّ عَلِيٌّ قَالَ فُخِرْنَا فَلَمَّا أَصْبَحَ أَتَاهُ عَمَهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْرَجْتَ أَصْحَابَكَ وَأَعْمَامَكَ وَأَسَكَنْتَ هَذَا الْغُلَامَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَنَا أَمَرْتُ بِإِخْرَاجِكُمْ وَلَا بِإِسْكَانِ هَذَا الْغُلَامِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ أَمَرَ بِهِ قَالَ فَطَرَّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَرِيكٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الرَّقَيْمِ عَنْ سَعْدِ بْنِ الْعَبَّاسِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ سَدَدْتُ أَبْوَابَنَا إِلَّا بَابَ عَلِيٍّ فَقَالَ مَا أَنَا قَتَحْتُهَا وَلَا سَدَدْتُهَا

Bermaksud: Al-Harits bin Malik bercerita, katanya: "Setelah sampai di Mekah saya bertemu dengan Sa'ad bin Abi Waqqaash. Saya terus bertanya: "Pernakah kamu mendengar apa-apa kelebihan 'Ali (daripada Rasulullah s.a.w.)?" Berceritalah Sa'ad: "Pernah kami bersama Rasulullah s.a.w. berada di dalam masjid. Pada waktu malam harinya kami semua tiba-tiba diperintahkan keluar dari masjid, kecuali keluarga Rasulullah s.a.w. dan keluarga 'Ali. Kata Sa'ad: "Kami pun keluarlah". Bila pagi, Rasulullah s.a.w. didatangi bapa saudaranya. Kata bapa saudaranya: "Wahai Rasulullah!, (kenapa) kamu keluarkan para sahabatmu dan bapa-bapa saudaramu dan kamu biarkan budak ini terus tinggal (di dalam masjid)? Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bukan aku yang mengeluarkan kamu dan menempatkan budak ini, Allahlah sebenarnya yang menyuruh." Fithr terus meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Syarik daripada 'Abdullah bin ar-Ruqaim daripada Sa'ad bahawa 'Abbaas datang menemui Nabi s.a.w. lalu dia berkata: "Engkau tutup semua pintu kami, tidak pintu 'Ali?" Jawab Nabi s.a.w.: "Bukan aku yang membuka dan menutupnya." (Hadits riwayat an-Nasaa'i di dalam Sunan Kubra dan Khasha'ishnya). Sebelum mendengar apa komen orang-orang lain tentang isnad hadits ini, dengar dahulu komen Imam an-Nasaa'i sendiri yang telah meriwayatkannya. Kata an-Nasaa'i: "'Abdullah bin Syarik adalah seorang perawi dha'if. Saya tidak kenal al-Harits bin Malik. Saya juga tidak kenal 'Abdullah bin ar-Ruqaim (yang terdapat di dalam isnad hadits sebelum ini)." Jika diperhatikan seterusnya, isnad ini juga mengandungi seorang lagi perawi yang bermasalah. Dia ialah 'Ali bin Qadim Abu al-Hasan al-Khuzaa'i al-Kufi. Yahya bin Ma'in mengatakan: "Dia seorang yang

dha'if." Ibnu 'Adi menulis: "Banyak dari riwayatnya menurut pandangan saya adalah mungkar." Ibnu Sa'ad juga berkata: "Dia seorang mungkarul hadits dan dia seorang Syi'ah pekat." Dalam keadaan isnad sebegini, bagaimana boleh dikatakan haditsnya hasan. Apa lagi untuk dikatakan sahih. Jauh panggang dari api! Lebih menunjukkan kepalsuan hadits ini ialah wujudnya 'Abbaas sebagai satu watak penting di dalamnya. Bagaimana rumah 'Abbaas akan ada di Madinah pada ketika itu, sedangkan beliau belum lagi memeluk agama Islam. Beliau baru berpindah ke Madinah dan menetap di sana bersama-sama isterinya Ummul Fadhal selepas pembukaan Mekah pada tahun kelapan! Hadits ini juga jelas menunjukkan kejahilan perekanya dalam bahasa 'Arab. Bagaimana 'Abbaas boleh menggunakan perkataan الغلام untuk 'Ali, padahal 'Ali pada ketika itu sudah dewasa. Perkataan الغلام pula dalam bahasa 'Arab digunakan hanya untuk budak di bawah umur. Kalau diandaikan 'abbaas menggunakannya secara majaaz, maka ia bererti penghinaan terhadap 'Ali. Apakah 'Abbaas boleh menghina 'Ali sebegini rupa di hadapan Nabi s.a.w. setelah Baginda memuliakannya? Ya, logik Syi'ah tentulah boleh menerimanya!

(٣) حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حُمَيْدٍ الرَّازِيُّ حَدَّثَنَا إِسْرَاهِيمُ بْنُ الْمُخْتَارِ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ أَبِي بَلَجٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ مَيْمُونٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِسَدِّ الْأَبْوَابِ إِلَّا بَابَ عَلِيٍّ

Bermaksud: Ibnu 'Abbaas meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. memerintahkan semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali. (Hadits riwayat at-Tirmizi di dalam Sunannya). Sebelum mendengar apa kata orang-orang lain tentang isnad hadits ini, dengar dahulu kata-kata Imam Tirmizi sendiri yang telah meriwayatkannya. Selepas meriwayatkan hadits ini Imam Tirmizi berkata: هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ لَا نَعْرِفُهُ عَنْ شُعْبَةَ (Ini hadits gharib (dha'if). Kami tidak mengetahuinya daripada Syu'bah dengan isnad ini melainkan melalui saluran riwayat ini). Nah, Imam Tirmizi sendiri yang telah menghukum hadits ini sebagai dha'if. Tetapi beliau tidak menyatakan sebab yang mendorongnya menghukum hadits ini sebagai dha'if. Sekarang mari kita lihat pula apa kata orang-orang lain tentang isnadnya. Imam Ahmad berkata: "Abu Balj (nama sebenarnya ialah Yahya bin Sulaim al-Fazaari al-Kufi) meriwayatkan satu hadits mungkar iaitu hadits سُدُّوا الْأَبْوَابَ إِلَّا بَابَ عَلِيٍّ." Demikian juga kata Ibnu 'Adi dan az-Zahabi. Ibnu Hibbaan berkata: "Abu Balj selalu melakukan kesilapan." Imam Bukhari berkata: فلان سكتوا. Menurut 'ulama' Jarh dan Ta'dil, apabila Bukhari berkata فيه نظر, itu bererti perawi berkenaan adalah seorang yang terduduh (pendusta) di sisinya. Demikian juga apabila beliau berkata: عنه. Yahya bin Ma'in mendha'ifkannya. Al-Jauzajaani dan Abu al-Fath al-Azdi pula berkata: "Dia tidak tsiqah (tidak dipercayai)." Selain Abu Balj, di dalam isnad ini juga terdapat Muhammad bin Humaid ar-Raazi. Kedudukannya lebih dahsyat dari Abu Balj. Ya'qub bin Syaibah berkata, "Dia selalu mengemukakan riwayat-riwayat yang sangat mungkar." Imam Bukhari berkata: "Kedudukannya dipertikaikan)." Abu Zura'ah ar-Razi seorang 'alim yang senegeri dengannya berkata: "Dia seorang pendusta besar." Fadhlak ar-Razi juga seorang 'alim senegeri dengannya berkata, "Saya mempunyai 50,000 riwayat Muhammad bin Humaid ar-Razi tetapi satu pun darinya tidak saya kemukakan kepada orang ramai." Ishaq al-Kausaj berkata: "Aku bersaksi bahawa Muhammad bin Humaid adalah pendusta besar." Saleh Jazarah berkata: "Kami menganggap Muhammad bin Humaid berdusta dalam semua perkara yang diceritakan kepada kami. Saya tidak pernah melihat orang yang lebih berani terhadap Allah dari Muhammad bin Humaid. Dia mendengar riwayat-riwayat dari orang-orang tertentu kemudian menokok tambah riwayat-riwayat itu." Di dalam setengah-setengah isnad hadits ini terdapat perawi bernama Yahya bin 'Abdil Hamid. Imam Ahmad berkata: "Dia ialah seorang yang berdusta terang-terangan." Selepas mengemukakan hadits ini Ibnu al-Jauzi mengemukakan satu lagi hadits daripada Ibnu 'Abbaas. Tetapi isnadnya tidak lebih baik daripada isnad hadits ini. Kerana di dalamnya ada al-Hasan bin 'Ubaidullah al-Abzaazi seorang pendusta besar dan pereka hadits. Muhammad bin Humaid ar-Razi mengambil hadits ini daripada Ibrahim bin al-Mukhtaar ar-Raazi. Siapa pula orang ini? Dia ialah murid Ibnu Ishaq. Yahya bin Ma'in berkata: "Dia seorang perawi dha'if." Imam Bukhari berkata: فيه نظر (Dia perawi dipertikaikan dan tertuduh). Abu Ghassaan Zunaij (Muhammad bin 'Amar bin Bakr ar-Raazi) berkata: "Saya telah meninggalkannya." Az-Zahabi berkata: "Dia dha'if."

(٤) حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنْ مَيْمُونٍ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ قَالَ كَانَ لِقَوْمٍ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْوَابٌ شَارِعَةٌ فِي الْمَسْجِدِ قَالَ فَقَالَ يَوْمًا سُدُّوا هَذِهِ الْأَبْوَابَ إِلَّا بَابَ عَلِيٍّ قَالَ فَتَكَلَّمُوا فِي ذَلِكَ النَّاسِ قَالَ فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَحَمِدَ اللَّهَ تَعَالَى وَأَتَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ أَمَّا بَعْدُ فَإِنِّي أَمَرْتُ بِسَدِّ هَذِهِ الْأَبْوَابِ إِلَّا بَابَ عَلِيٍّ وَقَالَ فِيهِ قَائِلُكُمْ وَإِنِّي وَاللَّهِ مَا سَدَدْتُ شَيْئًا وَلَا فَتَحْتُهٖ وَلَا كُنْتُ أَمَرْتُ بِشَيْءٍ فَاتَّبَعْتُهُ

Bermaksud: Zaid bin Arqam meriwayatkan, katanya: "Pintu rumah beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w. menghala ke dalam masjid. Kata Zaid (seterusnya): pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tutuplah pintu-pintu ini kecuali pintu 'Ali." Kata Zaid: "Orang ramai pun bercakap-cakap tentang perkara itu. Kata Zaid lagi: "Maka berdirilah Rasulullah s.a.w. Setelah memuji-muji Allah, Baginda s.a.w. bersabda: "Amma ba'du, sesungguhnya aku diperintahkan menutup semua pintu-pintu ini

Bermaksud: Kata Ibnu 'Abbaas: "Ditutuplah pintu-pintu (rumah di) masjid itu. Maksud beliau (Ibnu 'Abbaas) ialah masjid Nabi s.a.w. kecuali pintu (rumah) 'Ali a.s. Dia ('Ali) selalu masuk ke dalam masjid dalam keadaan berjunub, sebab itulah jalannya. Dia tidak mempunyai jalan lain selain (pintu yang menghala ke dalam masjid) itu. (Hadits riwayat at-Thahaawi di dalam Musykilul Aatsaar dan Syarah Musykilul Aatsaar). Ini bererti ada sebab yang wajar kalau Nabi s.a.w. memerintahkan semua pintu rumah sahabat lain ditutup kecuali pintu rumah 'Ali. Kalau pintu rumah 'Ali juga ditutup, bagaimana dia akan keluar dari rumahnya? Bukankah tidak ada jalan lain untuk 'Ali keluar dari rumahnya kecuali melalui pintu rumahnya yang menghala ke dalam masjid? Adapun sahabat-sahabat yang lain, kalau ditutup sekalipun pintu rumah mereka yang menghala ke dalam masjid, mereka masih mempunyai jalan untuk keluar dari rumah. Jika begitulah keadaannya, tentulah hadits-hadits yang dikemukakan sebagai kelebihan 'Ali itu tidak akan menjadi kelebihannya lagi. Ia hanya akan menunjukkan keadaan 'Ali yang terpaksa dan terdesak semata-mata. Andai kata rumah sahabat-sahabat lain juga seperti rumah 'Ali, mempunyai hanya satu pintu yang menghala ke dalam masjid, tentu Nabi s.a.w. tidak akan memerintahkan supaya pintu rumahnya itu ditutup! Sebabnya ialah dia juga terdesak seperti 'Ali. (2) Anda pasti akan pening kepala memikirkan kenapa pula pintu rumah 'Ali berbeza dari pintu rumah orang-orang lain. Rumah-rumah sahabat yang lain selain 'Ali semuanya mempunyai pintu utama (ke luar masjid) dan pintu belakang (yang menghala ke dalam masjid). Pintu-pintu rumah yang menghala ke dalam masjid sebagai pintu belakang itu tentu sekali dibuat untuk memudahkan penghuninya keluar masuk ke dalam masjid dan rumah masing-masing. Lebih logik kalau dikatakan ia dibuat setelah ada terlebih dahulu pintu utama rumah. Kalau diandaikan pintu itu dibuat bersama-sama dengan pintu utama sekalipun, tetap juga akan ada pintu utama itu. Apa lagi jika diambil kira hadits atau pendapat yang mengatakan orang yang berjunub tidak boleh berada di dalam masjid bahkan lalu saja pun tidak boleh. Bagaimana boleh rumah 'Ali tidak mempunyai pintu utama seperti rumah orang-orang lain? (3) Golongan Syi'ah rupa-rupanya sudah menyiapkan diri untuk menjawab kemusykilan yang mungkin ditimbulkan itu. Mereka yang memasang perangkap, tentulah mereka akan berusaha mendorong mangsa ke arah perangkap yang dipasang itu. Syeikh Shaduq di dalam 'Ilalu as-Syaraa'inya menjelaskan, katanya: "Setelah Rasulullah s.a.w. mema'lumkan bahawa perintah beliau supaya semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali itu adalah berdasarkan wahyu dari Allah, Baginda s.a.w. berucap di hadapan orang ramai. Di dalam ucapan itu Baginda s.a.w. berkata: "Allah telah menyuruh Musa dan Harun membina rumah-rumah untuk kaum mereka berdua di Mesir. Allah juga memerintahkan Musa dan Harun memberitahu kepada pengikut-pengikutnya bahawa orang berjunub tidak boleh bermalam di masjid mereka berdua. Tidak ada sesiapa boleh menghampiri isterinya di dalam masjid itu kecuali Harun dan zuriatnya. Kedudukan 'Ali di sisiku sama seperti kedudukan Harun di sisi Musa. Tidak halal kepada sesiapa pun menghampiri isterinya di masjidku ini dan tidak boleh sesiapa pun bermalam di dalamnya kecuali 'Ali dan zuriatnya. Sesiapa yang tidak senang dengan keputusan ini pergilah ke sana. Sambil Baginda mengisytarkan dengan tangannya ke arah Syam. Penulis tidak hendak membuat apa-apa komen terhadap penjelasan yang dibuat Syeikh Shaduq Syi'ah ini. Kerana memang sudah menjadi thabi'at dan darah daging mereka berdusta atas nama Rasulullah s.a.w. untuk melebih-lebihkan 'Ali dan zuriatnya. (4) Di dalam kitab-kitab turaats Ahli a-Sunnah wa al-Jama'ah juga golongan Syi'ah sebagai perawi menabur apa yang dijelaskan oleh Syeikh Shaduq tadi. Tujuan sebenar mereka ialah untuk menyabitkan kema'shunan dan kesucian 'Ali. Sebagai contohnya lihatlah riwayat yang dikemukakan oleh at-Tirmizi di bawah ini:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْمُنْذِرِ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ فَضِيلٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي حَفْصَةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَلِيٍّ يَا عَلِيُّ لَا يَجِلُّ لِحَدِّكَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ غَيْرِي وَغَيْرِكَ قَالَ عَلِيُّ بْنُ الْمُنْذِرِ قُلْتُ لِضِرَارِ بْنِ صُرْدٍ مَا مَعْنَى هَذَا الْحَدِيثِ قَالَ لَا يَجِلُّ لِحَدِّكَ يَسْتَطِرُّهُ جُنُبًا غَيْرِي وَغَيْرِكَ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ وَسَمِعْتُ مِنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِسْمَاعِيلَ هَذَا الْحَدِيثَ فَاسْتَعْرَبَهُ

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. berkata kepada 'Ali: Wahai 'Ali! Tidak halal kepada sesiapa pun berjunub di dalam masjid ini selain aku dan engkau." Kata 'Ali bin al-Munzir, aku bertanya Dhiraar bin Shurad. Apa ma'na hadits ini? Dia menjawab: "Tidak halal kepada sesiapa pun menjadikannya sebagai jalan selain aku dan engkau." Abu 'Isa at-Tirmizi berkata, haditha ini hasan gharib. Kami tidak mengetahuinya kecuali melalui saluran riwayat ini. Muhammad bin Isma'il (Imam Bukhari) mendengar hadits ini daripada saya. Dia menganggapnya gharib (dha'if). (Hadits riwayat Tirmizi, Abu Ya'la dan Baihaqi). Imam at-Tirmizi sendiri dan lain-lain tokoh hadits sama ada yang meriwayatkannya atau tidak, semuanya mengatakan hadits ini dha'if bahkan maudhu'. Imam Tirmizi mengatakan hadits ini hasan (menurut istilah beliau) hanya kerana ada beberapa syawahidnya dan ada beberapa thuruqnya. Walaupun semuanya adalah dha'if dan maudhu' seperti hadits Tirmizi ini juga. Perawi-perawinya dari awal hingga akhir adalah syi'ah, pendusta dan pereka hadits-hadits. Penulis tidak bermaksud membincangkan secara terperinci tentang isnad dan kekarutan kandungan hadits ini di sini. Apa yang mahu penulis tonjolkan sekarang hanyalah tentang peranan hadits yang direka khusus

ini dalam menyatakan sebab dan alasan kenapa pintu rumah 'Ali tidak diperintah Rasulullah s.a.w. supaya ditutup seperti pintu-pintu rumah orang lain. Jawapan tersirat di sebalik hadits di atas ialah kerana 'Ali ma'shum dan suci seperti Rasulullah s.a.w. dan para nabi yang lain. Orang ma'shum dan sucilah sepatutnya menjadi pengganti (khalifah) Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan Baginda! Rasulullah s.a.w. dengan memerintahkan begitu sebenarnya mahu mengisytiharkan kepada khalifah dan imamah 'Ali terus sesudah kewafatannya. Bagi penulis, biar apa pun kata golongan Syi'ah, kenyataan yang berlaku selepas kewafatan Nabi s.a.w. tidak menyokongnya. Salah satu kaedah yang boleh diguna pakai untuk menentukan mana satu daripada dua hadits yang sahih atau maudhu' (karut) ialah dengan melihat kepada kenyataan. Kenyataan sejarah yang diterima oleh semua pihak menunjukkan Abu Bakarliah yang telah menjadi khalifah pertama umat Islam selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. bukan 'Ali. (5) Seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa persoalan akan timbul apabila kita mengatakan Rasulullah s.a.w. telah pun memerintahkan supaya semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali. Apa ertinya Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya semua pintu ditutup kecuali pintu Abu Bakar setelah sebelum itu Baginda memerintahkan supaya semua pintu ditutup kecuali pintu 'Ali? Adakah setelah beberapa ketika, para sahabat berkenaan melanggar perintah Nabi s.a.w.? Adakah mereka membuka semula pintu yang diperintahkan supaya ditutup itu? Jawab golongan yang menerima jalan jama', memang mereka membuka semula tetapi bukan pintu besar seperti sebelumnya. Mereka hanya membuat khaukhah (pintu kecil) sahaja sebagai laluan untuk masuk ke dalam masjid dan keluar darinya ke rumah mereka. Di akhir hayat Rasulullah s.a.w. khaukhah itu juga diperintah oleh Baginda s.a.w. supaya ditutup kecuali khaukhah Abu Bakar. Golongan Syi'ah pula berkata, memang sudah menjadi thabi'at sahabat melanggar perintah Nabi s.a.w. Kisah ini adalah salah satu buktinya. Mengatakan "Mereka hanya membuat khaukhah (pintu kecil) sahaja sebagai laluan untuk masuk ke dalam masjid dan keluar darinya ke rumah mereka." benar-benar mencerminkan perangai orang-orang Yahudi yang dilarang menangkap ikan pada hari Sabtu. Maka mereka tidak lagi menangkap ikan pada hari Sabtu selepas itu. Apa yang dibuat mereka hanyalah menahan pukat pada hari Sabtu. Sementara hasilnya tidak mereka ambil pada hari Sabtu tetapi pada hari Ahad berikutnya! Orang-orang yang mengambil jalan jama' itu barangkali tidak terfikir akan padah dan bahana menjama'kan sesuatu yang tidak mungkin dijama'. غفر الله لنا ولهم. (6) Orang-orang yang mengambil jalan jama' itu juga barangkali tidak terfikir tentang nasib pintu rumah Saiyyidina 'Ali selepas Nabi s.a.w. memerintahkan semua khaukhah ditutup kecuali khaukhah Abu Bakar. Adakah pada ketika itu pintu rumah 'Ali dikecualikan juga daripada ditutup atau tidak? Kalau ia tidak dikecualikan, bererti pintu rumah 'Ali juga diperintah supaya ditutup seperti pintu rumah orang-orang lain. Kalau ia ditutup, bagaimana 'Ali dan anak isterinya akan keluar dari rumahnya, setelah kita semua menerima rumahnya hanya mempunyai satu pintu yang menghala ke dalam masjid sahaja? Adakah orang-orang yang memilih jalan jama' itu dapat membuktikan bahawa pada ketika itu baru 'Ali membuat pintu lain yang tidak menghala ke dalam masjid seperti yang dibuat oleh orang-orang lain lama sebelum itu? Dan kalau ia dikecualikan, kenapa tidak tersebut di dalam mana-mana hadits pintu rumah 'Ali juga termasuk dalam yang dikecualikan? Kenapa tidak terdapat di dalam mana-mana riwayat pun Rasulullah s.a.w. bersabda: **إِلَّا بَابَ أَبِي بَكْرٍ وَعَلِيٍّ** atau **غَيْرَ خَوْخَةٍ أَبِي بَكْرٍ وَعَلِيٍّ**? Seterusnya jika diandaikan juga pintu rumah 'Ali termasuk dalam yang dikecualikan daripada ditutup seperti pintu rumah Abu Bakar, maka apakah ertinya? Adakah jawatan khilafah akan dikongsi bersama oleh 'Ali dan Abu Bakar? Atau 'Ali juga seperti Abu Bakar, memerlukan pintu yang menghala ke dalam masjid kerana dia juga akan menjadi imam kepada orang ramai dalam sembahyang lima waktu seperti Abu Bakar? Dua khalifah dan dua imam serentak dalam satu masa! Atau Abu Bakar baru mencapai maqam kesucian di akhir hayat Nabi s.a.w. sehingga membolehkan beliau juga bebas keluar masuk ke dalam masjid walaupun dalam keadaan berjunub seperti 'Ali? Suatu maqam kesucian yang telah dicapai 'Ali bertahun-tahun sebelum itu. Pernahkah disebut oleh mana-mana ahli sejarah bahawa selepas kewafatan Rasulullah s.a.w., jawatan khilafah disandang oleh dua orang khalifah serentak dalam satu masa? (7) Orang-orang yang memilih jalan jama' juga tidak terfikir bahawa باب lebih besar daripada خوخة. Apa ertinya apabila Nabi s.a.w. mengecualikan باب 'Ali, bukan خوخة 'Ali daripada ditutup di samping خوخة Abu Bakar? Yang dikecualikan untuk 'Ali باب (pintu besar). Dan yang dikecualikan untuk Abu Bakar hanyalah خوخة (pintu kecil)! Bukankah perintah itu jelas mengisytiharkan kepada kelayakan 'Ali melebihi kelayakan Abu Bakar untuk menyandang jawatan khilafah selepas kewafatan Beliau s.a.w.? Kalau begitu benarlah pegangan Syi'ah. Di sinilah jerangkap samar yang dipasang oleh golongan Syi'ah mengena. Mangsa pertamanya ialah orang-orang yang memilih jalan jama'. Mangsa-mangsa seterusnya ialah orang-orang yang menurut jejak langkah mangsa pertama. Tidak kira di zaman mana dan di bumi mana pun mereka berada.

٤٤٦ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ قَالَ حَدَّثَنَا فُلَيْحٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو النَّضْرِ عَنْ عُيَيْدِ بْنِ حُنَيْنٍ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ خَطَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرَ عَبْدًا بَيْنَ الدُّنْيَا وَبَيْنَ مَا عِنْدَهُ فَاخْتَارَ مَا عِنْدَ اللَّهِ فَبَكَى أَبُو بَكْرٍ الصِّدِّيقُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ فَقُلْتُ فِي نَفْسِي مَا يُبْكِي هَذَا الشَّيْخَ إِنْ يَكُنِ اللَّهُ خَيْرَ عَبْدًا بَيْنَ الدُّنْيَا وَبَيْنَ مَا عِنْدَهُ فَاخْتَارَ مَا عِنْدَ اللَّهِ فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُوَ الْعَبْدُ وَكَانَ أَبُو بَكْرٍ أَعْلَمَنَا قَالَ يَا أَبَا بَكْرٍ لَا تَبْكُ إِنْ أَمِنَ النَّاسُ عَلَيَّ فِي صُحَّتِهِ وَمَالِهِ أَبُو بَكْرٍ وَلَوْ كُنْتُ مُتَّخِذًا خَلِيلًا مِنْ أُمَّتِي لَاتَّخَذْتُ أَبَا بَكْرٍ وَلَكِنْ أَخُوهُ الْإِسْلَامِ وَمَوَدَّتُهُ لَا يُقَيِّنُ فِي الْمَسْجِدِ بَابٌ إِلَّا سُدَّ إِلَّا بَابُ أَبِي بَكْرٍ

446- Muhammad bin Sinan meriwayatkan kepada kami, katanya: Fulaih (bin Sulaiman) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu an-Nadhr (Salim bin Abi Umaiyah) meriwayatkan kepada kami daripada 'Ubaid bin Hunain daripada⁷²¹ Busr bin Sa'id daripada Abu Sa'id al-Khudri katanya: "Nabi s.a.w. pernah berucap, kata Baginda: "Sesungguhnya Allah telah memberi pilihan kepada seorang hamba di antara dunia dan apa yang ada padaNya. Hamba itu telah memilih apa yang ada pada Allah. Abu Bakar terus menangis (sebaik sahaja mendengar kata-kata Rasulullah s.a.w. itu). Aku pula berkata di dalam hatiku: "Apalah yang membuatkan orang tua ini menangis kalau Allah memberi pilihan kepada seseorang hamba di antara dunia dan apa yang ada padaNya, lalu hamba itu memilih apa yang ada pada Allah?! Rupa-

⁷²¹ Beginilah tersebut sanad ini dalam kebanyakan riwayat. Berdasarkan riwayat al-Ashili daripada Abi Zaid, tidak tersebut Busr bin Sa'id selepas 'Ubaid bin Hunain. Ertinya ialah Abu an-Nadhr meriwayatkan daripada 'Ubaid bin Hunain terus daripada Abi Sa'id tanpa perantaraan Busr bin Sa'id. Riwayat al-Ashili itu memang betul tetapi oleh kerana Muhammad bin Sinaan menyebutkannya seperti di atas dengan ada perantaraan Busr bin Sa'id, Bukhari menukilkannya begitu. Ibnu as-Sakan menukilkannya daripada Firabri (murid Bukhari) bahawa Bukhari berkata: "Demikianlah riwayat Muhammad bin Sinaan. Ia salah. Yang sebetulnya ialah سَعِيدُ الْخُدْرِيِّ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ. Maka ia bererti Abu an-Nadhr telah meriwayatkan hadits ini daripada 'Ubaid bin Hunain dan juga Busr bin Sa'id. Kedua-dua mereka meriwayatkan daripada Abi Sa'id al-Khudari. Demikianlah hadits ini diriwayatkan oleh Muslim. Muslim meriwayatkannya daripada Sa'id bin Manshur daripada Fulaih daripada Abi an-Nadhr daripada 'Ubaid dan Busr kedua-duanya sekali daripada Abi Sa'id. Yunus bin Muhammad menjadi mutaabi' kepada Sa'id bin Manshur daripada Fulaih mengikut riwayat Abu Bakar bin Abi Syaibah. Abu 'Aamir al-'Aqadi pula meriwayatkan daripada Fulaih daripada Abi an-Nadhr daripada Busr sahaja seperti yang dikemukakan oleh Bukhari sendiri di dalam Mana'iq Abi Bakar nanti. Ini bererti Fulaih kadang-kadang menyebutkan 'Ubaid dan Busr kedua-duanya sekali di dalam sanadnya. Kadang-kadang pula dia menyebutkan salah seorang dari mereka berdua. Malik meriwayatkan hadits ini daripada Abi an-Nadhr daripada 'Ubaid sahaja daripada Abi Sa'id. Bukhari sendiri di dalam Bab al-Hijrah meriwayatkan seperti Malik. Semua ini menunjukkan Abu an-Nadhr telah meriwayatkan hadits ini daripada 'Ubaid dan Busr kedua-dua gurunya. Cuma Muhammad bin Sinaan tersalah apabila dia meriwayatkan daripada 'Ubaid daripada Busr dengan membuang العطف. Berkemungkinan juga Fulaih yang tersalah ketika meriwayatkannya. Kemungkinan ini disokong oleh adanya riwayat Mu'aafa bin Sulaiman al-Harraani yang juga turut mengambil hadits ini daripada Fulaih sama seperti yang dikemukakan oleh Muhammad bin Sinaan. Imam ad-Daraquthni mengkritik isnad ini dengan katanya: رواية من رواه عن أبي النضر عن عبيد عن يسر غير محفوظة (Riwayat orang yang mengemukakannya daripada Abi an-Nadhr daripada 'Ubaid daripada Busr tidak mahfuz). Biar apa pun, Bukhari sendiri telah menyalahkan isnad hadits ini tanpa العطف. Dengan itu tiada sesiapa pun wajar meletakkan kesalahan itu di pundak beliau (Bukhari) lagi. Isnad hadits ini tersebut dengan betul seperti yang diperbetulkan oleh Bukhari tadi di dalam Sahih Bukhari edisi India dan Pakistan.

rupanya Rasulullah s.a.w.lah hamba yang dimaksudkan itu. Abu Bakar adalah orang yang paling 'alim di kalangan kami (para sahabat). Beliau s.a.w. berkata: "Wahai Abu Bakar, jangan menangis. Sesungguhnya orang yang paling berbudi kepadaku dalam (kesetiaan) persahabatannya dan (dalam pengorbanan) harta bendanya ialah Abu Bakar."⁷²² Kalau aku boleh mengambil seseorang dari umatku ini sebagai khalil, sudah tentu aku mengambil Abu Bakar (sebagai khalilkku).⁷²³ Tetapi persaudaraan dan kasih sayang Islam (yang terjalin di antaraku dan dia melebihi orang-orang lain).⁷²⁴ Pastikan semua pintu (rumah) ke masjid ditutup kecuali pintu (rumah) Abu Bakar."⁷²⁵

keranaku) dua kali. Selepas itu Abu Bakar tidak lagi diganggu (oleh sesiapa pun).
⁷²³ Antara ma'na khalil yang diberikan oleh para 'ulama' ialah: (1) Teman atau kekasih yang mengambil tempat paling istimewa di hati seseorang. (2) Kekasih atau kesayangan yang menguasai sepenuhnya hati seseorang sehingga tiada ruang lagi di hatinya untuk orang-orang yang lain. (3) Orang yang dituruti segala kehendaknya dan segala perbuatan dilakukan kerananya. (4) Manusia yang paling dicintai dan disayangi seseorang. (5) Teman sejiwa, sehaluan dan sependapat dengan seseorang. (6) Orang yang berada di puncak cinta seseorang. (7) Teman rapat yang mengetahui segala rahsia seseorang. Semua ma'na yang diberikan itu adalah dinisbahkan kepada perasaan cinta dan sayang seseorang manusia terhadap seseorang atau sesuatu yang lain. Apa pula ma'nya apabila Allah menjadikan atau mengambil seseorang manusia sebagai khalilnya? Seperti tersebut di dalam firman Allah ini: **وَآخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا** Bermaksud: dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayanganNya. (An-Nisaa': 125). Menurut Khaazin, maksudnya ialah Allah memberi kemampuan untuk ta'at kepadaNya. Allah melindungi, memberi taufiq dan menutup kekurangannya serta menolong, memuji dan meniadikannya ikutan manusia.

tergantung.
⁷²⁵ Hadits ini diulang sebut oleh Bukhari dengan sedikit perbezaan lafaznya pada dua tempat lain selain di sini, iaitu: (1) Di bawah باب أبي بكر رَبَابُ الْقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَدُّوا الْأَبْوَابَ إِلَّا بَابَ أَبِي بَكْرٍ, Bukhari meriwayatkannya daripada `Abdullah bin Muhammad. (2) Di bawah باب هجرة النبي صلى الله عليه وسلم وَأَصْحَابِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ, Imam Bukhari meriwayatkannya daripada Isma'il bin `Abdillah daripada Malik. **Antara pengajaran, panduan dan hukum** yang terdapat di dalam dua hadits di atas ialah: (1) Keharusan menggunakan bahasa kiasan untuk mengelak daripada kesedihan dan keadaan haru-biru berlaku di kalangan orang ramai. (2) Bahasa kiasan juga boleh digunakan untuk menguji tahap

٤٤٧- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْجُعْفِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ جَرِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ سَمِعْتُ يَعْلَى بْنَ حَكِيمٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَرَضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ عَاصِبٌ رَأْسُهُ بِخِرْقَةٍ فَقَعَدَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ إِنَّهُ لَيْسَ مِنَ النَّاسِ أَحَدٌ آمَنَ عَلَيَّ فِي نَفْسِهِ وَمَالِهِ مِنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ أَبِي قُحَافَةَ وَلَوْ كُنْتُ مُتَّخِذًا مِنَ النَّاسِ خَلِيلًا لَاتَّخَذْتُ أَبَا بَكْرٍ خَلِيلًا وَلَكِنْ خُلَّةُ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ سُدُّوا عَنِّي كُلَّ خَوْخَةٍ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ غَيْرَ خَوْخَةٍ أَبِي بَكْرٍ

447- `Abdullah bin Muhammad al-Ju`fi meriwayatkan kepada kami, katanya: Wahb bin Jarir meriwayatkan kepada Kami, katanya: Ayahku meriwayatkan kepadaku, katanya: Aku mendengar Ya`la bin Hakim (meriwayatkan) daripada `Ikrimah daripada Ibni `Abbaas, katanya: “Rasulullah s.a.w. keluar ketika sakit yang membawa Baginda wafat dalam keadaan mengikat kepalanya dengan secebis kain. Setelah duduk di atas mimbar, Baginda s.a.w. memuji-muji Allah. Kemudian bersabda: “Tidak ada seorang pun dari kalangan manusia ini orang yang melebihi Abu Bakar bin Abi Quhafah⁷²⁶ dalam berbudi kepadaku, baik dengan jiwa raganya atau dengan

kebijaksanaan dan kecerdasan fikiran pendengar. (3) Tahap pemikiran dan pemahaman manusia tidak sama. Hakikat ini juga wujud di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. (4) Abu Bakar pada pandangan para sahabat Nabi s.a.w. adalah orang yang paling alim di antara mereka. (5) Orang yang sebenar-benarnya mendapat ilmu ialah orang yang memahami dengan baik segala pengajaran yang disampaikan oleh guru. Menghafal teks semata-mata, tidak akan menaikkan seseorang ke taraf alim. (6) Galakan supaya memilih dan mengutamakan apa yang ada di sisi Allah daripada kemewahan dunia ini apabila tiba masa berpisah dengannya. (7) Menangis ketika hendak berpisah dengan orang yang disayangi adalah tanda kelembutan hati dan kasih sayang yang mendalam. (8) Memujuk orang yang menangis atau sedang dalam kesedihan dengan sesuatu yang menghiburkan hatinya. (9) Abu Bakar adalah sahabat yang paling berbudi kepada Rasulullah s.a.w. dalam (kesetiaan) persahabatannya dan (dalam pengorbanan) harta bendanya. (10) Oleh kerana khullah adalah tingkat cinta yang tertinggi dan teristimewa, maka Rasulullah s.a.w. dilarang daripada mengambil seseorang manusia sebagai khalilnya. Andai kata beliau dibenarkan, tentulah beliau akan mengambil Abu Bakar sebagai khalil. (11) Bagaimanapun di tingkat persaudaraan dan kasih sayang sesama manusia, Abu Bakarlah orang yang paling istimewa hubungannya dengan Nabi s.a.w. (12) Perintah Rasulullah s.a.w. supaya semua pintu yang menghala ke dalam masjid ditutup kecuali pintu Abu Bakar, mengisyratkan kepada keistimewaan Abu Bakar di sisi Beliau s.a.w. (13) Perintah itu juga mengisyratkan kepada kedudukan Abu Bakar sebagai khalifah sepeninggalan Beliau s.a.w. (14) Oleh kerana Abu Bakarlah yang akan menjadi pengganti Baginda s.a.w. dalam pentadbiran dan kepimpinan ummah, maka perlu sekali beliau diberikan beberapa kemudahan yang diperolehi Nabi s.a.w. semasa hayatnya. Termasuklah kemudahan keluar masuk ke dalam masjid dari rumah beliau untuk menjadi imam sembahyang lima waktu. (15) Perintah menutup semua pintu ke masjid selain pintu Abu Bakar juga dibuat Baginda s.a.w. untuk menghapuskan salah faham yang mungkin timbul akibat adanya kekhususan untuk segelintir sahabat keluar masuk ke dalam masjid melalui pintu-pintu seperti itu. (16) Perintah itu juga bertujuan melenyapkan terus spekulasi tentang jawatan khalifah sesudah Nabi s.a.w. (17) Apabila ada sebab-sebab yang munasabah dan tiada pula fitnah yang mungkin timbul, pintu atau khaukhah seperti itu harus (boleh) dibuat di mana-mana masjid di dunia ini. (18) Perintah Rasulullah s.a.w. supaya menutup semua pintu yang menghala ke dalam masjid, tidak difahami Bukhari dan jumhur `ulama` sebagai naasikh (pemansukh) kepada kebenaran yang telah diberikan sebelumnya. Ini kerana Rasulullah s.a.w. mengecualikan pintu Abu Bakar daripada perintahnya. Andai kata kebenaran sebelumnya termansukh dengan hadits itu, tentulah tidak ada langsung yang dikecualikan, meskipun ada keperluan dan sebab-sebab yang munasabah.

⁷²⁶ Nama sebenarnya ialah `Utsman bin `Aamir at-Taimi. Beliau memeluk agama Islam pada tahun pembukaan Mekah. Meninggal dunia di zaman pemerintahan Saiyyidina `Umar ketika berumur

harta bendanya. Kalaulah aku boleh mengambil seseorang manusia sebagai khalil, sudah pasti aku mengambil Abu Bakar sebagai khalil. Tetapi kasih sayang Islam (yang terjalin di antaraku dan Abu Bakar) melebihi orang-orang lain.⁷²⁷ Tutuplah dengan perintahku semua pintu kecil (خوخة) untuk masuk ke dalam masjid ini kecuali pintu kecil (خوخة) rumah Abu Bakar.”⁷²⁸

sembilan puluh tujuh tahun. Tidak terdapat di kalangan sahabat nabi s.a.w. selain Abi Quhafah ini, seorang pun yang tiga keturunannya merupakan sahabat Rasulullah s.a.w.

⁷²⁷ Di sini perkataan khullah (خلة) yang merupakan punca bagi perkataan khalil digunakan secara muqaiyyad (terikat) dengan perkataan Islam. Dalam keadaan ini ia boleh digunakan juga untuk seseorang manusia. kedudukan Abu Bakar dalam khullah yang muqaiyyad ini berada di puncak yang paling atas sekali. Khullah yang dinafikan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam kedua-dua hadits di bawah bab ini ialah khullah yang mutlaq dan yang khusus atau khullah dengan tiga ma'na pertama yang telah diberikan di dalam nota 723 yang lalu. Khullah dengan ma'na-ma'na itulah juga yang dimaksudkan di dalam sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Mas'ud ini, kata beliau:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ألا إني أترا إلى كل خل من خله ولو كنت متخذا خليلا لاتخذت أبا بكر خليلا إن صاحبكم خليل الله
Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ketahuilah, sesungguhnya aku benar-benar memohon ma'af kepada semua orang yang menyintaiku dengan sepenuh hatinya (kerana menjadikan aku sebagai khalilnya. Sedangkan aku pula tidak dapat membalas cintanya dengan menjadikannya sebagai khalilku). Kalaulah aku boleh mengambil seseorang manusia sebagai khalil, sudah tentu aku mengambil Abu Bakar sebagai khalil. Sesungguhnya sahabatmu ini (aku) adalah khalil Allah. (Hadits riwayat Muslim). Adapun khullah yang ditsabitkan untuk Abu Bakar di sini ialah khullah yang umum atau khullah dengan empat ma'na terakhir yang telah diberikan di dalam nota 723 itu. Hadits-hadits seperti ini sama sekali tidak boleh dijadikan hujah untuk menafikan keharusan penggunaan perkataan khalil dengan ma'na umumnya kepada manusia. Bagaimana ia akan menafikannya kalau al-Qur'an sendiri menggunakan perkataan itu untuk manusia juga. Antaranya ialah dua ayat berikut:

وَإِنْ كَادُوا لَيَفْتِنُونَكَ عَنِ الَّذِي أُوحِيتَ إِلَيْكَ لَيَفْتِنَنَّهُ عَالِيْنَا غَيْرُهُ وَإِذَا لَاتُخَذُوكَ خَلِيلًا

Bermaksud: dan sesungguhnya mereka hampir memesonkanmu dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu, agar kamu membuat yang lain secara bohong terhadap kami; dan (apabila engkau melakukan begitu) barulah mereka mengambil kamu menjadi sahabat yang setia. (Al-Israa': 73).

يَتَوَلَّى لَيْتَنِي لَمْ أَخَذْ فَلَانًا خَلِيلًا

Bermaksud: Wahai celaknya aku! Alangkah baiknya kalau aku dahulu tidak mengambil si dia itu menjadi teman karib(ku)!! (Al-Furqaan: 28).

⁷²⁸ Pintu-pintu yang diperintah oleh Rasulullah s.a.w. supaya ditutup itu sebetulnya ialah khaukhah bukan bab pada pandangan Imam Bukhari r.a. Kerana itulah beliau membuat bab ini dengan katanya: باب الخوخة والممر في المسجد. Walaupun khaukhah juga merupakan sejenis pintu tetapi ia lebih khusus dengan pintu kecil yang bukan merupakan pintu utama sesebuah rumah. Ia biasanya terletak sama ada di bahagian belakang atau di bahagian sisi rumah. Oleh itu jika terdapat di dalam mana-mana hadits perkataan باب sebagai pintu yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya ditutup, ia seharusnya dipakai dengan erti خوخة juga. Pemakaian perkataan bab dengan ma'na khaukhah termasuk dalam qaedah من باب إطلاق العام وإرادة الخاص (menyebut perkataan yang umum tetapi dimaksudkan dengannya perkataan yang khusus). Dengan memakai qaedah yang diguna pakai oleh Bukhari ini anda tentu akan terselamat daripada silap mata golongan Syi'ah. Ia tak ubah seperti pengesan dan pemusnah jerangkap samar atau periuk api yang dipasang mereka. Dengan mudah saja anda akan memutuskan bahawa rumah 'Ali juga mempunyai dua pintu sekurang-kurangnya seperti rumah orang-orang lain. Pintu rumahnya yang mengarahkan semua pintu rumah yang menghala ke dalam masjid ditutup kecuali pintu rumah (khaukhah) Abu Bakar, tentulah termasuk juga dalam arahan itu pintu rumah (khaukhah) 'Ali. **Imam Bukhari mengulang sebut hadits ini pada tiga tempat lain selain di sini.** (1) Di bawah باب قول النبي صلى الله عليه وسلم لو كنت متخذا خليلا. Di sini beliau meriwayatkannya daripada Muslim bin Ibraahim. (2) Di bawah bab yang sama Imam Bukhari meriwayatkannya daripada Mu'alla bin Asad dan Musa bin Isma'il at-Tabuzki. (3) Di bawah الباب مع الخوخة beliau meriwayatkannya daripada Abu Ma'mar. **Antara pengajaran, panduan dan hukum yang terdapat di dalam hadits 447 ini ialah:** (1) Rasulullah s.a.w. juga seperti manusia lain mengalami kesakitan. (2) Keharusan

باب الأبواب والعلق للكعبة والمساجد قال أبو عبد الله وقال لي عبد الله بن محمد حدثنا سفيان عن ابن جريج قال قال لي ابن أبي مليكة يا عبد الملك لو رأيت مساجد ابن عباس وأبوابها

54- Bab Pintu-Pintu Dan Penyelak Pintu Ka'bah Dan Masjid-Masjid.⁷²⁹ Abu 'Abdillah Berkata: 'Abdullah Bin Muhammad Berkata Kepadaku⁷³⁰: Sufyan

mengambil atau menggunakan sesuatu untuk meredakan kesakitan yang dialami, seperti mengikat kepala ketika mengalami sakit kepala dan lain-lain. (3) Sebelum wafat Rasulullah s.a.w. menderita kesakitan selama beberapa hari. Menurut Ibnu Rajab lebih sepuluh hari. (4) Untuk menyatakan sesuatu perkara penting, Nabi s.a.w. biasanya naik ke atas mimbar. (5) Apabila naik ke atas mimbar untuk memberi ucapan, Nabi s.a.w. biasanya berucap sambil berdiri. Tetapi dalam keadaan uzur seperti dalam peristiwa ini, Beliau berucap sambil duduk. (6) Sebelum menyampaikan sesuatu yang hendak disampaikan di atas mimbar, Rasulullah s.a.w. terlebih dahulu akan memuji-muji Allah. (7) Seseorang pemimpin masyarakat, ketua negara, guru dan sebagainya tidak patut melupai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh mana-mana pengikut atau anak buahnya. Terutamanya orang yang paling banyak berkorban dan menghulurkan sumbangan dari kalangan mereka. Elok sekali kalau orang-orang seperti itu diberikan sesuatu sebagai penghormatan dan penghargaan terhadap sumbangan-sumbangan yang telah diberikan mereka. Tidak salah juga kalau jasa-jasanya disebut di hadapan orang ramai demi meyakinkan mereka tentang kelayakannya dalam menerima beberapa keistimewaan daripada pihak atasan. (8) Sama seperti hadits sebelumnya, hadits ini juga mengandungi perintah Rasulullah s.a.w. supaya semua pintu ditutup kecuali pintu Abu Bakar. Maksud di sebalik perintah itu dikeluarkan, telah pun diberi pada perkara (12) hingga (16) dibawah tajuk **Antara pengajaran, panduan dan hukum** hadits sebelum ini. (9) Kedudukan khalil lebih tinggi daripada kawan, saudara, teman dan lain-lain perkataan yang menunjukkan perhubungan istimewa di antara seseorang dengan seseorang yang lain. (10) Hadits ini dengan jelas menyatakan bahawa hubungan kasih sayang Islam yang terjalin di antara Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar adalah melebihi kasih sayang Baginda s.a.w. dengan orang-orang yang lain.

⁷²⁹ Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menjelaskan beberapa perkara berikut: (1) Hukum memasang pintu dan penyelak pintu masjid. (2) Hukum menutup pintu masjid. (3) Adakah menutup pintu masjid bererti menghalang orang ramai daripada beribadat? Adakah ia termasuk dalam firman Allah ini:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذَكَّرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ ۚ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Bermaksud: Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi (orang ramai) dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (bersembahyang dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa takut (kepada Allah, bukan dengan cara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar. (Al-Baqarah: 114). (4) Apakah amalan sahabat dalam perkara ini? Memasang pintu masjid dengan penyelaknya dalam keadaan biasa adalah sesuatu yang diharuskan. Memasang pintu masjid untuk menyempurnakan binaannya, mencantikkannya dan memelihara kebersihannya pula dikira sesuatu yang elok. Tetapi kalau barang-barang berharga di dalam masjid tidak terpelihara melainkan dengan memasang atau menutup pintunya, maka pada ketika itu hukum memasang pintu masjid dan menyelaknya adalah wajib. Begitu juga dengan hukum membuka dan menutup pintu masjid. Dalam keadaan ada mashlahat dan keperluan, menutup pintu masjid tidak bererti menghalang orang ramai daripada beribadat dan ia sama sekali tidak termasuk dalam firman Allah s.w.t. itu. Amalan para sahabat dalam perkara ini amat jelas. Masjid-masjid yang dibangunkan mereka juga mempunyai pintu dan penyelak. Hal ini dapat dilihat umpamanya di dalam atsar Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Imam Bukhari nampaknya mahu membuktikan sekurang-kurangnya keharusan memasang pintu berserta penyelaknya di setiap masjid. Tetapi beliau mengemukakan hanya hadits yang menyabitkan adanya pintu Ka'bah dan penyelaknya. Tidak ada hadits lain dikemukakan oleh beliau untuk membuktikan adanya pintu dan penyelak pintu pada masjid-masjid yang lain. Soalnya apakah qaedah yang diguna pakai oleh Bukhari di sini untuk membuktikan kebenaran da'waannya? Ada dua

Meriwayatkan Kepada Kami Daripada Ibnu Juraij, Katanya: Ibnu Abi Mulaikah Pernah Berkata Kepadaku: "Wahai 'Abdul Malik! Kalaulah Engkau Melihat Masjid-Masjid Ibnu 'Abbaas Dan Pintu-Pintunya."⁷³¹

٤٤٨ - حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ وَقُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَا حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدِمَ مَكَّةَ فَدَعَا عُثْمَانَ بْنَ طَلْحَةَ فَفَتَحَ الْبَابَ فَدَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِلَالٌ وَأَسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ وَعُثْمَانُ بْنُ طَلْحَةَ ثُمَّ أَغْلَقَ الْبَابَ فَلَبِثَ فِيهِ سَاعَةً ثُمَّ خَرَجُوا قَالَ ابْنُ عُمَرَ فَبَدَرْتُ فَسَأَلْتُ بِلَالًا فَقَالَ صَلَّى فِيهِ فَقُلْتُ فِي أَيِّ قَالَ بَيْنَ الْأَسْطُرَاتَيْنِ قَالَ ابْنُ عُمَرَ فَذَهَبَ عَلَيَّ أَنْ أَسْأَلَهُ كَمْ صَلَّى

448- Abu an-Nu'man dan Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, kata mereka berdua: Hammaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Ayyub daripada Naafi' daripada Ibnu 'Umar bahawa Nabi s.a.w. pergi ke Mekah. Baginda s.a.w memanggil 'Utsman bin Thalbah.⁷³² 'Utsman pun membuka pintu Ka'bah. Nabi s.a.w. masuk (ke dalam Ka'bah) bersama-sama dengan Bilal, Usamah bin Zaid dan

jawabannya. Pertama: Atsar Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan di dalam tajuk bab itu bagi Bukhari sudah memadai sebagai buktinya. Kedua: Imam Bukhari memakai qaedah qias di sini. Beliau mengqiaskan masjid-masjid lain dengan Ka'bah. Kalau Ka'bah yang merupakan masjid paling istimewa dan pusat sekalian masjid yang lain di dunia ini juga mempunyai pintu dan penyelak pintu, masjid-masjid yang lain itu tentulah lebih lagi boleh ada pintu dan penyelaknya.

⁷³⁰ Kirmaani berkata, perkataan قال لي (berkata kepadaku) lebih rendah darjatnya daripada حدثني. Sebabnya ialah boleh jadi Bukhari mengambilnya secara muzakarah dan muhawarah. Bukan secara naqal (nukilan secara sah) dan tahammul (menerima hadits secara rasmi atau formal).

⁷³¹ Kata-kata Ibnu Abi Mulaikah kepada Ibnu Juraij ini jelas tergantung. Semestinya ada sesuatu yang mahzuf (dibuang) di sini. Sst yang dibuang itu boleh jadi "tentulah engkau akan kagum dan terpesona dengan kecantikan, kebersihan dan kekukuhan" atau lain-lain seumpamanya. Kebanyakan pensyarah seperti Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain mengatakan, pada ketika Ibnu Abi Mulaikah menceritakan kepada Ibnu Juraij itu masjid-masjid Ibnu 'Abbaas telah pun musnah dan lenyap. Kerana itu tidak ada harapan lagi untuk Ibnu Juraij melihatnya sendiri. Tetapi Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi berpendapat tidak mungkin masjid-masjid Ibnu 'Abbaas yang dibina dengan begitu teguh telah musnah ketika Ibnu Abi Mulaikah menceritakan kepada Ibnu Juraij. Sebabnya ialah Ibnu 'Abbaas wafat pada tahun 68H. Ibnu Juraij lahir pada tahun 80H. Kalau mengikut pendapat orang-orang yang mengatakan umur Ibnu Juraij melebihi seratus tahun, maka seharusnya dia lahir pada tahun 50H. Ibnu Abi Mulaikah pula wafat pada tahun 117H. Ibnu Abi Mulaikah dan Ibnu Juraij kedua-duanya adalah tokoh di Mekah. Masjid Ibnu 'Abbaas pula terletak di Tha'if. Mungkin pada ketika Ibnu Abi Mulaikah berkata begini, Ibnu Juraij belum lagi melihat masjid Ibnu 'Abbaas di Tha'if itu. Pada pandangan penulis, pendapat yang diberikan oleh al-Ganggohi itu memang ada kewajarannya. Tetapi Ibnu Abi Mulaikah tidak semestinya menceritakan tentang masjid Ibnu 'Abbaas di Tha'if itu semata-mata. Tha'if bukannya jauh sangat dari Mekah. Ia terletak kira-kira 99 kilometer sahaja dari Mekah. Agak tidak masuk akal mengatakan seorang yang masyhur di Mekah seperti Ibnu Juraij tidak pernah sampai ke Tha'if. Atsar yang dikemukakan oleh Bukhari di atas menyebutkan beberapa buah masjid Ibnu 'Abbaas, bukan sebuah sahaja. Adakah mesti semua masjid Ibnu 'Abbaas itu terletak di Tha'if? Ibnu Abi Mulaikah mungkin juga memaksudkan masjid-masjid Ibnu 'Abbaas yang terletak di tempat-tempat lain selain di Tha'if. Bukankah Ibnu 'Abbaas juga pernah menjadi gabenor di Iraq di zaman pemerintahan Saiyyidina 'Ali? Jika masjid-masjid di tempat lain itulah yang dimaksudkan oleh Ibnu Abi Mulaikah, patutlah dia berkata kepada Ibnu Juraij: "Wahai 'Abdul Malik! Kalaulah engkau melihat masjid-masjid Ibnu 'Abbaas dan pintu-pintunya."

⁷³² Beliau ialah pemegang anak kunci Ka'bah. Memeluk agama Islam setelah berlakunya perjanjian damai di antara Rasulullah s.a.w. dan orang-orang kafir Quraisy Mekah di Hudaibiah. Setelah anak kunci Ka'bah diserahkan oleh Rasulullah s.a.w. kepadanya dan keluarganya, beliau terus hidup bersama Rasulullah s.a.w. di Madinah sehingga Baginda wafat. Selepas itu beliau berpindah ke Mekah dan meninggal dunia di sana pada tahun 42H.